

15/01/2004

Lipat ganda usaha pastikan BN menang besar: Abdullah

Kadir Dikoh; Norhafzan Jaafar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua 13 parti komponen Barisan Nasional (BN) melipatgandakan usaha untuk mencapai kemenangan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum akan datang bagi merealisasikan impian Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Tun Dr Mahathir apabila ditanya pihak media apakah impiannya untuk tahun baru (2004) menyatakan bahawa beliau ingin BN mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya. Kehendak itu mesti menjadi usaha kita semua.

"Usaha ini akan berjaya jika semua pihak dalam BN memberi kerjasama, tiada siapa tidur dan tiada siapa terkecuali. Insya-Allah, Tun akan bersama-sama untuk menikmati kejayaan ini," kata Perdana Menteri pada majlis Jamuan Perdana Jasamu Dikenang anjuran BN di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam tadi.

Lebih 3,000 orang termasuk pemimpin kanan semua 13 parti komponen BN serta pemimpin pelbagai peringkat dari seluruh negara menghadiri majlis itu yang diserikan dengan pelbagai acara menarik termasuk persembahan nyanyian penyanyi popular Siti Nurhaliza.

Terdahulu, ketibaan Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut dengan iringan gadis pembawa bunga manggar dan tepukan gemuruh diberikan sebaik mereka memasuki Dewan Merdeka sambil diiringi Abdullah dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak serta pemimpin BN lain.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Barisan Nasional beramai-ramai diikuti laungan Malaysia Boleh dan BN Boleh.

Semua pemimpin kanan 13 parti komponen BN diketuai Umno memberi penghargaan kepada Dr Mahathir dan Siti Hasmah diketuai Abdullah dan Najib dengan bangun sebagai tanda penghargaan, sebaik nama parti mereka disebut.

Ini diikuti Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta presiden atau pengerusi parti komponen BN yang lain, mewakili parti masing-masing.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata, jasa Dr Mahathir kepada BN amat besar dan selama memimpin negara 22 tahun, pelbagai kejayaan dicapai terutama dalam usaha menyatupadukan rakyat, keamanan serta kesejahteraan negara.

"Tun, kita amat berbangga dengan pencapaian Tun. Saya yakin kita semua ingin mencontohi tetapi kepemimpinan Tun bukan sesuatu yang mudah untuk diikuti. Jika kita semua mahu mengenang jasa Tun dan berterima kasih kepada beliau, kita pastikan perjuangan beliau mesti kita teruskan.

"Walaupun Tun bukan lagi Pengerusi BN, kepada kita semua, beliau tetap pemimpin kita. Jasamu dikenang Tun. Pada saya, peninggalan Tun yang paling berkesan ialah dapat memberi rasa bangga kita semua sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Dalam ucapan balasnya pula, Dr Mahathir mengulangi janjinya untuk turun padang membantu BN mencapai kemenangan pada pilihan raya umum akan datang sebagai balas jasa gabungan itu yang telah menaikkannya ke jawatan nombor satu negara selama 22 tahun.

"Saya kena buat ramalan bila pilihan raya... tak lewat daripada 1 Januari 2005. Pilihan raya mesti diadakan dalam tahun ini," katanya sambil disambut gelak ketawa hadirin.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau sanggup untuk berkempen jika ada jempukan untuk membantu merayu pengundi supaya terus mengundi BN.

`Inilah janji saya dan saya tak mungkir janji. Saya berdoa perpaduan

dalam BN akan berterusan dan insya-Allah, kita dapat kemenangan pada pilihan raya 2004," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, yang juga Presiden Gerakan, dalam ucapan aluannya berkata kehadiran Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah jelas membuktikan bahawa mereka berdua tetap bersama BN untuk meneruskan perjuangan yang belum selesai.

Beliau berkata, negara mencapai banyak kejayaan dalam pelbagai bidang sepanjang tempoh 22 tahun di bawah kepemimpinan Dr Mahathir.

Berdasarkan pencapaian cemerlang ini, katanya, Abdullah dengan tepat dan jelasnya menyatakan bahawa Dr Mahathir adalah Bapa Pemodenan Malaysia.